



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

OKTOBER 2025



PROSES PEMBAIKAN DIRI

24 OKTOBER 2025 / 2 JAMADIL AWAL 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala

Khutbah pada hari ini membicarakan tentang proses pembaikan diri. Manusia sebagai makhluk ciptaan Allah Taala memiliki jiwa yang kompleks. Jiwa manusia terdiri daripada tiga komponen utama:

1. Nafs al-Ammarah iaitu jiwa yang mengajak kepada kejahatan,
2. Nafs al-Lawwamah iaitu jiwa yang sering mencela diri sendiri dan ingin berubah,



3. Nafs al-Mutma'innah iaitu jiwa yang tenang dan redha dengan ketentuan Allah.

Kita semua melalui perjalanan jiwa ini. Namun, menjadi tanggungjawab kita untuk memperbaiki diri agar jiwa kita semakin dekat kepada Allah Taala. Proses pembaikan diri ini bukanlah sesuatu yang berlaku secara spontan. Ia memerlukan mujahadah, kesungguhan, ilmu, dan bimbingan rohani yang sahih. Ulama tasawuf menyusun proses ini dalam tiga peringkat penting:

1. Takhalli; iaitu mengosongkan diri dari sifat buruk

Takhalli bermakna membersihkan diri daripada sifat-sifat tercela seperti sombong, riya', hasad dengki, cinta dunia, marah tidak bertempat dan sebagainya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ

Yang bermaksud: “Tidak akan masuk syurga orang yang dalam hatinya ada sebesar zarah perasaan sombong.”

Membersihkan diri daripada sifat mazmumah (sifat terkeji) ini adalah langkah awal untuk membuka ruang dalam hati agar cahaya kebenaran boleh masuk.

2. Tahalli iaitu menghias diri dengan sifat terpuji

Proses mengosongkan hati daripada sifat buruk hendaklah disertakan dengan pengisian dengan sifat mahmudah (sifat terpuji) seperti sabar, ikhlas, tawakkal, syukur, rendah diri, kasih sayang, dan taqwa. Inilah yang dikatakan sebagai



menghiasi diri dengan akhlak Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad,

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Yang bermaksud: *"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."*

Pembentukan akhlak mulia dalam diri akan melahirkan jiwa yang sentiasa tenang, tawaduk dan bersyukur atas ketentuan Allah Taala .

3. Tajalli iaitu melazimi ketaatan kepada Allah Taala zahir dan batin dalam kehidupan

Tajalli adalah hasil daripada proses takhalli dan tahalli. Iaitu apabila hati menjadi jernih, maka seseorang itu akan mula merasakan kehadiran Allah Taala dalam seluruh kehidupannya. Dia akan merasai keagungan Allah Taala dalam setiap langkah, dan hatinya menjadi tenang. Firman Allah Taala dalam surah al-Ra'd ayat 28;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Yang bermaksud: *“(Iaitu) Orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan zikrullah. Ingatlah, hanya dengan zikrullah hati akan menjadi tenang.”*



Hati yang tenang mengingat Allah Taala akan membawa kekhusyukkan dalam melaksanakan ibadah. Mereka redha kepada Allah Taala dan Allah Taala redha kepada mereka.

Sidang Jumaat yang dikasihi

Dalam proses membaiki diri ini, kita juga perlu berhati-hati dengan pengaruh pemikiran luar yang cuba menggantikan konsep kerohanian Islam dengan pendekatan batiniah yang sesat seperti *New Age Movement*. Gerakan ini sering membawa ajaran bercampur antara falsafah Hindu, Buddha, dan kepercayaan barat moden – seperti law of attraction, healing energy, chakra, dan sebagainya – yang bercanggah dengan akidah Islam. Ingatlah, pembaikan diri yang sebenar bukanlah dengan "menyerap tenaga alam" atau “membuka mata ketiga”, tetapi dengan bertaubat, berzikir, beramal soleh, dan tunduk kepada syariat Allah Taala.

Sidang Jumaat yang dirahmati

Mengakhiri khutbah pada hari ini dapat disimpulkan bahawa proses memperbaiki diri memerlukan mujahadah, kesungguhan, ilmu, dan bimbingan rohani yang sahih. Membersihkan diri dari sifat mazmumah ini adalah langkah awal untuk membuka ruang dalam hati agar cahaya kebenaran boleh masuk. Pada masa yang sama, isikan pula diri kita dengan sifat-sifat mahmudah seperti sabar, ikhlas, tawakkal, syukur, rendah diri, kasih sayang, dan taqwa. Seterusnya apabila hati menjadi jernih, maka seseorang itu akan mula merasakan kehadiran Allah Taala dalam seluruh kehidupannya. Dia akan merasai keagungan Allah Taala dalam setiap langkah, dan hatinya menjadi tenang. Di samping itu jauhkan diri kita daripada



anasir-anasir luar yang cuba merosakkan jiwa kita dengan menggantikan konsep kerohanian Islam melalui pendekatan batiniah yang sesat.

Marilah kita bersama-sama berusaha memperbaharui niat dan semangat untuk memperbaiki diri kerana jalan menuju Allah Taala adalah jalan yang panjang dan penuh ujian dan amalkanlah doa ini dalam kehidupan.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ نَفْسًا مُّطْمَئِنَّةً، تُؤْمِنُ بِلِقَائِكَ، وَتُقْنَعُ بِعَطَائِكَ، وَتُرْضَىٰ بِقَضَائِكَ

Yang bermaksud: "Ya Allah, kami memohon kepada-Mu jiwa yang tenang, yang beriman dengan pertemuan dengan-Mu, yang reda dengan pemberian-Mu, dan pasrah dengan ketentuan-Mu."

أَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.